

Digi lancar WiFi dalam kenderaan

Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) melancarkan kemudahan sambungan tanpa wayar (WiFi) yang membolehkan syarikat bas dan kereta api serta pengendali pengangkutan darat menawarkan akses internet yang lancar kepada penumpang semasa dalam perjalanan.

WiFi iFleet merupakan produk pertama Digi berasaskan langganan yang menawarkan sambungan WiFi bertujuan meningkatkan pengalaman penumpang dengan menjadikan masa perjalanan mereka lebih produktif.

Ketua Pegawai Digital Digi, Praveen Rajan berkata, kemudahan WiFi di tempat awam yang semakin banyak telah meningkatkan keperluan penumpang untuk sentiasa berkomunikasi atas urusan kerja atau dalam rangkaian sosial mereka atau pendek kata di mana sahaja mereka berada.

"Kini kemudahan WiFi dianggap sebagai satu keperluan penting yang harus disediakan oleh pengendali pengangkutan darat. Dengan WiFi iFleet, pengen-



WiFi iFleet digunakan di dalam bas elektrik yang dikenali sebagai Bas Kuching di Sarawak.

dali pengangkutan darat dapat mengurangkan kos menerusi faedah daripada pelaburan muka yang dibuat pada kadar minimum.

"Perkhidmatan langganan yang ringkas ini menyediakan perkhidmatan WiFi dengan kos yang rendah berbanding pada kebiasaannya sangat mahal untuk kenderaan komersial," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran WiFi iFleet yang diadakan di ibu pejabat Digi, Shah Alam, kelmarin.

Beliau berkata, WiFi

iFleet menyediakan sambungan stabil dan pantas melalui rangkaian 4G-LTE Digi.

"Perkhidmatan ini menyokong pengguna dalam masa yang sama dan turut menawarkan sambungan melangkaui sempadan meliputi Singapura dan Thailand," katanya.

Beliau berkata, perkhidmatan baharu ini telah diuji oleh beberapa orang pengguna dan terkini di Sarawak melalui Bas Kuching, yang merupakan perkhidmatan bas elektrik di negeri tersebut.